

Debat IPT tingkat kefahaman isu semasa pelajar

INSTITUT Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) akan menganjurkan Pertandingan Debat Kefahaman Islam Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan meningkatkan pemahaman dan pandangan generasi pelajar mengenai isu berkaitan hal ehwal Islam.

Pegawai Perhubungan Awam Ikim, Sapuah Nawawi, berkata program bermula 8 Februari ini akan disertai 16 IPT tempatan.

Aktiviti ini menyediakan medan khas membolehkan pelajar mengemukakan hujah bernas mengenai isu berkaitan untuk dibincangkan bersama.

Beliau berkata, pelajar perlu diberi peluang mengemukakan pandangan dan pendapat mengenai isu semasa supaya dapat menyuarakan hasrat dan membantu kerajaan membangunkan negara.

"Program ini menjadi landasan

untuk menganalisis sejauh mana kemampuan pelajar IPT memperkatakan hal berkaitan dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai perihal dunia Islam.

"Ilmu yang diperoleh ini membolehkan pelajar menghayatinya dalam kehidupan harian sebagaimana dituntut agama," katanya.

IPT yang akan mengambil bahagian ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti

Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pusingan pertama bermula 8 Februari manakala pusingan kedua pada 10 Februari. Separuh akhir hari berikutnya, manakala pusingan akhir dijadual berlangsung hari terakhir program iaitu 12 Februari di Dewan Besar Ikim, Kuala Lumpur.